Lampiran 1

Extact From Federal Council Paper 10/51

Scheme For The Reorganisation Of The Rural And Industrial Development Authority,

Federation Of Malaya

**Aims And Structure**

The Scheme for Rural development should aim at obtaining the support and co-operation of the people and the co-ordination of Government activities in the Rural Areas.

2. In this Scheme, first place should be given to the principle of Self-help in the achievement of results, and to place in the minds of the people themselves, the necessity and importance of Self-help as a cardinal principle of the Movement.

3. The assistance of the various Government Departments concerned with Rural development should be drawn into this work in a systematic and co-ordinated manner so that the fullest benefits of Federal and State/Settlement services and resources can be handed down to the people expeditiously and without waste, as would necessarily and des happen unless the Government associated itself with the people in this very important work in the Kampongs.

4. The Rural and Industrial Development Authority (RIDA) it a specific instrument of Government designed to utilise at all levels the services and resources both of Government departments and of the people themselves and to convert all those concerned with Rural areas into a team moving to planned and co-ordinated objective for the reconstruction of Kampung life and the raising of the standard of living of the peasantry.

5. In order to be able to utilise the resources of Government and stimulate the interest and obtain the support of the people in the Kampongs, it is essential that every effort be made to bring the people closer to the Government throught a systematic channel, initiating from the Kampongs and Moving progressively to RIDA as the appropriate instrument set up for the purpose.

6. The ground work of Rural development must be based in the Kampongs and planning work in the upper levels of State and Settlements Board and RIDA.

7. The general functions of RIDA will thus be twofold:

(a) to plan and execute specific sheme for rural economic development including, in particular, those by which the producer can participate in the processing and marketing of his crop. This will involve a substantial extension of government activity into a new field and in some cases will best be promoted by the formation of subsidiary commercial corporation;

(b) to organize the rural population generally of economic and social betterment with Self-help as its mainstay. At Kampong level this will involve bringing people together to work they can do themselves and what outside technical and financial help they nedd. At higher levels it will aim at establishing an organization by nedd. At higher levels it will aim at establishing an organization by which knowledge of the local needs and of the possibilities of Self-help from below can be brought to bear on the planning and administration of existing departmental government service.

These two function are not entirely separate since schemes of economic development will require the co-operation and support of the local people. The same structure of organisaton can serve for both purpose, but rural work in the kampongs and district RIDA will have an administrative structure similar to that of existing government services. RIDA will be used for economic development under (a) and for the organization described at (b), as a general rule they will not used merely to supplement votes provided by the Federal or State authorities for existing departmental functions.

8. The task of RIDA may be defined in more detail as the following (to be undertaken in co-operation, where appropriate, with existing government department);

(a) The planning and instituting of major development projects in rural areas:
(b) The organization of improved marketing and processing arrangements for rural products on co-operative basis;
(c) The stimulation of interest and provision of facilities for futher development of agricultural and industrial occupations in rural areas;
(d) Training for and encouragement of scheme for social improvement such as home craft, mother craft, hygiene, handicraft, etc;
(e) Instruction in demestic and rural economic matters;
(f) The training of Rural Development Officer and Kampong leaders
(g) The provision of funds to carry out these purpose where these are not otherwise provided.

Sumber: D.E.M. Fiennes, Report On Rural Industrial Development Authority 1950-1955.

Lampiran 2

## Usul Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama Untuk MARA

1. Kerajaan harus menggalakkan dengan lebih giat lagi perusahaan bersama (joint venture) di antara modal-modal tempatan ataupun modal-modal luar negeri dengan modal-modal tempatan.
2. Menggalakkan serta mengadakan kemudahan bagi Bumiputera untuk melebihkan lagi perhubungan awam mereka dengan perniagaan lain keseluruhannya.
3. Mengadakan satu penyelidikan maklumat perniagaan daripada satu masa ke satu masa untuk panduan Bumiputera.
4. MARA hendaklah menerangkan dasar yang dijalankan sekarang mengenai mendapatkan tanah-tanah untuk tapak rumah, ataupun bangunan itu bolehlah diduduki oleh orang yang bukan Bumiputera setelah kehendak Bumiputera dipenuhi.
5. Mengadakan kemudahan-kemudahan bagi melatih dan menunjuk ajar Bumiputera dalam perkhidmatan pengurusan.
6. Mengadakan perkhidmatan penasihat undang-undang dan pentadbiran untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada Bumiputera seperti perkhidmatan undang-undang, akauntan, setiausaha dan keterangan-keterangan mengenai perniagaan.

7. Menggalakkan pendirian syarikat dan perusahaan Bumiputera untuk memberi peluang bekerja kepada Bumiputera. Kerajaan Malaysia hendaklah memberi bantuan cara langsung dengan menubuhkan satu lembaga pembangunan perusahaan untuk bumiputera dan kerajaan hendaklah juga menyalurkan bantuannya menerusi perbadanan yang ada sekarang supaya perusahaan baru dapat didirikan untuk dijual kelak kepada Bumiputera apabila perusahaan itu boleh berdiri sendiri. Lembaga ini juga hendaklah memberi bantuan kepada perusahaan Bumiputera yang sedia ada.

8. Bahawa Maktab MARA dapat diperbesarkan lagi supaya maktab tersebut boleh mengeluarkan pemuda-pemudi yang berkelulusan sebanyak 200 orang dalam tahun pertama dan juga dalam tahun kedua, supaya angka tersebut dapat dilipat gandakan sepuluh kali lagi tiap-tiap tahun dari tahun ketiga dan seterusnya. Bahawa kursus-kursus latihan yang sedang dijalankan sekarang dengan eloknya di Maktab MARA mestilah diteruskan untuk mengeluarkan Bumiputera yang bertambah dalam ilmu perdagangan dan perusahaan. Kursus tersebut memakan masa tiga dan meliputi pelajaran seperti:

   (a) Industrial Accounting (untuk peperiksaan Institute of Cost and Works Accounting).

   (b) Ilmu pentadbiran syarikat yang akan mengeluarkan tauliah "Charted Institute of Secretaries" dan The Corporation of Secretaries"

   (c) Ilmu pengolalaan Perniagaan dan perusahaan sampai mendapat Diploma of Management Studies.

9. Bahawa Maktab MARA mestilah memperluaskan lagi bahagian latihan supaya dengan lebih banyak lagi anak-anak bumiputera yang akan mendapat kursus dalam ilmu perniagaan dan perusahaan di bahagian rendah seperti ilmu accountcy, ekonomi, undang-undang perniagaan dan lain-lain lagi. Satu bahagian khas hendaklah juga diadakan untuk mengajar bumiputera yang berhajat hendak membuka kedai dan perniagaan-perniagaan kecil. Dalam kursus ilmu pengetahuan hendaklah dengan cara bagaimana hendak memula, menyusun dan mentadbirkan perniagaan dan perusahaan kecil.

10. Bahawa kursus-kursus mestilah diadakan untuk:

(i) Mereka yang telah ketahui sedikit sebanyak selok belok perniagaan dan juga untuk mereka yang berpengalaman serba sedikit dan

(ii) Mereka yang berkehendakkan pelajaran lebih mendalam lagi untuk menyandang tugas yang lebih tinggi lagi dalam tempat kerjanya di kemudian hari dan

(iii) Pengurus-pengurus perniagaan yang sedang maju dan yang hendak belajar dengan lebih dalam supaya perniagaan akan lebih maju lagi.

Pelajaran-pelajaran tersebut hendaklah diberikan dengan tidak payah datang ke bangku sekolah tetapi hendaklah diatur cara kursusnya supaya peniaga-peniaga yang hendak belajar itu dapat bekerja sambil belajar.

Kursus-kursus yang sedang dijalankan di tempat-tempat latihan getah dan kursus dalam ilmu pentadbiran pengangkutan dan kayu kayan juga hendaklah diperbesarkan, diperluaskan dan diperhebatkan lagi.

MARA mestilah mengadakan perhubungan yang lebih rapat lagi dengan badan-badan kerajaan seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara, Lembaga Pusat Pelatihan, Pusat Perusahaan Teknologi Tinggi, Pusat Teknik dan lain-lain.

Bahawa pelajaran-pelajaran hendaklah diberikan kepada Bumiputera yang akan membolehkan mereka mendapat kerja dalam tempoh lima atau enam bulan sahaja dalam kilang-kilang yang sedang dan akan dibina di Malaysia. Banyak perusahaan baru telah mengadakan dan menguntukkan beberapa kerja untuk Bumiputera. Maka di sini MARA mestilah mengamati dan meneka kehendak-kehendak perusahaan yang baru itu dan mengadakan perhubungan yang rapat dengan Kementerian Perdagangan dan perusahaan supaya Bumiputera dapat diberi latihan beberapa bulan terlebih dahulu dengan cara yang percuma. Maka dengan cara demikian dapatlah pekerja Bumiputera yang tidak dilatih sebagai "technician" dan mekanik itu bekerja dalam kilang dan perusahaan yang baru, perintis atau yang bukan perintis. Latihan yang dianjurkan oleh MARA mestilah mempunyai nilai dan harga.

Bahawa untuk jangkawaktu yang pendek, amak adalah dicadangkan supaya kerajaan mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih banyak lagi khasnya untuk anak-anak Bumiputera seperti berikut:

(a) Di dalam Maktab MARA di Petaling Jaya itu hendaklah diadakan satu bahagian khas untuk membolehkan anak Bumiputera menyambung pelajaran hingga ke HSC. Anak-anak Bumiputera yang belajar HSC di sekolah lain termasuk juga anak Bumiputera yang cuma mendapat Grade 3 tetapi masih ada kemahuan dan kebolehan untuk melanjutkan pelajaran ke HSC. Di sini juga Maktab MARA boleh memberi kursus yang khas dan mendalam untuk memperluaskan lagi ilmu pengetahuan anak Bumiputera dalam pelajaran Ilmu Sains dan Ilmu Kira-kira, mereka yang berkelulusan di sini digalakkan pula melanjutkan pelajaran di mana-mana sahaja.

(b) Sekolah kebangsaan dan kesemua sekolah yang banyak menempatkan anak Bumiputera hendaklah diberikan kemudahan-kemudahan yang setaraf dengan sekolah menengah di pekan besar dengan mengutamakan kemudahan-kemudahan bagi mempelajari Ilmu Sains dan Ilmu Kira-kira.

(c) Peruntukan hendaklah diberi lebih banyak kepada MARA itu adalah bertujuan membolehkan anak Bumiputera dengan banyaknya menjadi pakar-pakar bertauliah seperti jurukira, peguam dan pakar-pakar dalam bidang insuran perkapalan dan lain-lain lagi.

Bahawa satu badan yang utama untuk melaksanakan segala kursus latihan yang telah disebutkan hendaklah dengan mendapat kedudukan yang istimewa dan khas di bawah MARA yang berbentuk baru dan bernafas baru. Bahagian latihan ini kenalah ditugas untuk:

(a) Mengadakan perhubungan yang rapat dengan kesemua kementerian supaya lebih banyak lagi anak Bumiputera akan memasuki dan belajar di sekolah dan tempat-tempat latihan yang digalakkan dan dibantu kerajaan.

(b) Memula dan menjalankan kursus latihan dengan luas dan hebatnya.

(c) Mengadakan satu bahagian kecil untuk memberi panduan kepada anak Bumiputera yang telah berkelulusan di Maktab MARA supaya mereka akan mendapat pekerjaan yang sesuai dan setaraf dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

(d) Mengeluarkan biasiswa-biasiswa yang bebas yang tidak ada mengikat anak Bumiputera untuk bekerja dengan kerajaan atau MARA tetapi akan membebaskan mereka bekerja di mana-mana sahaja di negara Malaysia dengan tidak dikenakan apa-apa denda atau bayaran.

Bahawa Kerajaan Negeri Selangor didesak dengan sekuat-kuatnya supaya menguntukkan sebidang tanah di Batu Tiga untuk Maktab MARA yang baru yang luasnya tidak kurang daripada 100 ekar dengan percuma sahaja atau bayaran tanah mestilah di bayar oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar daripada peruntukkan "land acquision" dan bukan dari peruntukkan MARA sendiri.

Lampiran 3

Act Of Parlimen No. 20 Of 1965

Malaysia

Act Of Parliament No. 20 Of 1966

Majlis Amanah Ra'ayat Act 1966

(1) It shall be the duty of the Majlis to promote, stimulate, facilitate and undertake economic and social development in the Federation and particularly in the rural areas therof.

(2) The Majlis shall have powers for the purpose of the discharge of its duty under sub-section (1):

i. to carry on all activities particularly the develoment of commercial and industrial enterprises the carrying on where of appears to it to be requisite, advantagenous or convenient for or in connection with the discharge of its said duty, including the manufacturing assembling, processing, packing, grading and marketing of product, research and training.

ii. to promote the carrying on of any such activities by other bodies or person and for that purpose to establish or expand or promote the entablishment or expansion of the bodies to carry or any such activities either under the control or partial control of the Majlis or independently and to give assistance to such bodies or to other bodies or person appearing to the Majlis to have facilities for

carrying on of any such activities, including financial assistance by the taking up or share or loan capital or by loan of otherview.

iii. to carry on any much activities in association with other bodies or person (including department or authorities of the Government of the Federation or of any state) or as managing agent of otherwise on its behalf.

iv. to purchase, underwrite or otherwise acquire any stock and shares in any public or private company and to dispose of the same on such terms and conditions as the Majlis many determine.

v. to esrablish and maintain training institusion, and

vi. to do all thet sets which the Majlis considers desirable or expedient.

Sumber: Government of Malaysia, Majlis Amanah Ra'ayat Act 1966, Government Printers, Kuala Lumpur, 1966.

Kewajipan Dan Kuasa-Kuasa Majlis

Undang Majlis Amanah Rakyat telah dicatatkan segala kewajipan dan kuasa-kuasa Majlis. Kewajipan dan kuasa Majlis ini adalah berbunyi demikian:

> "6(1) Adalah menjadi kewajipan Majlis bagi memajukan, menggalakan, memudahkan dan menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan dalam persekutuan dan khususnya dalam kawasan luar bandar Persekutuan.
>
> 6(2) Majlis adalah diberi kuasa bagi maksud menunaikan kewajipannya di bawah Sekyen Kecil 1:
>
> (A) Menjalankan segala usaha khususnya pembangunan usaha-usaha perdagangan dan perusahaan, jika menjalankan usaha ini nampak kepadanya perlu berfaedah atau memberi kemudahan bagi menunaikan kewajipannya yang tersebut itu, termasuk membuat, memasang, memproses, membungkus mempertingkatkan serta pemasaran barang-barang pengeluaran, penyelidikan dan latihan.
>
> (B) Memajukan usaha-usaha seumpama itu yang dijalankan oleh lain-lain Badan atau orang dan bagi maksud itu menubuh atau membesarkan atau memajukan penubuhan atau pembesaran lain Badan untuk menjalankan mana-mana usaha itu sama ada di

bawah kelolaan atau separuh kelolaan Majlis atau dengan bersendirian dan memberi bantuan kepada Badan-Badan itu atau kepada lain-lain orang yang nampaknya kepada Majlis ada mempunyai kemudahan untuk menjalankan mana-mana usaha seumpama itu, termasuk bantuan kewangan dengan jalan membeli syer atau memberi pinjaman modal atau dengan jalan memberi pinjaman atau dengan lain-lain.

(C) Menjalankan usaha-usaha seumpama itu bersama-sama dengan lain-lain Badan atau lain-lain orang (termasuk jabatan) atau pihak berkuasa kerajaan bagi Persekutuan atau bagi sebuah negeri atau sebagai ejen pengurus atau lain-lain bagi pihaknya.

(D) Membeli, menanggung atau dengan jalan lain memperolehi apa-apa saham dan syer dalam mana-mana syarikat awam atau bersendirian dan melepaskan saham-saham dan syer itu mengikut syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

(E) Menubuhkan dan menanggung Yayasan Latihan dan

(F) Membuat apa-apa juga pun yang di fikirkan perlu atau berfaedah oleh Majlis.

Demikianlah Dasar serta juga enam cara yang termaktub di dalam Undang-Undang Majlis Amanah Rakyat tentang bagaimana MARA dapat memenuhkan tugas-tugasnya bagi mencapai kewajipan yang telah diserahkan oleh Kerajaan serta juga Bumiputera kepadanya.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta A210

AKTA MAJLIS AMANAH RAKYAT (PINDAAN), 1973

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta A210

## AKTA MAJLIS AMANAH RAKYAT (PINDAAN), 1973

Suatu Akta bagi meminda Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966.

[*22hb April, 1973.*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Majlis Amanah Rakyat (Pindaan), 1973 dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 22 haribulan April, 1973. Tajuk ringkas dan mula berkuat-kuasa.

**2.** Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966 (kemudian daripada ini disebut Akta ibu) adalah dengan ini dipinda— Pindaan. *20/66.*

(*a*) dengan memotong takrif "Timbalan Pengerusi" yang terdapat dalam seksyen 2; dan

(*b*) dengan memotong perkataan-perkataan "dan saorang Timbalan Pengerusi", "atau Timbalan Pengerusi" dan "dan Timbalan Pengerusi" di mana jua ianya terdapat dalam Akta ibu.

**3.** Seksyen 2 Akta ibu adalah dengan ini dipinda dengan memasukkan selepas sahaja takrif "hari yang di-tetapkan" yang berikut— Pindaan bagi seksyen 2.

" 'Jemaah' ertinya Jemaah Penasihat yang ditubuhkan di bawah seksyen 6A.".

**4.** Seksyen-kecil (3) seksyen 3 Akta ibu adalah dengan ini dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut— Pindaan bagi seksyen 3.

"(3) Majlis hendaklah mengandungi ahli-ahli yang berikut—

(*a*) seorang Pengerusi;

(3) Menteri boleh dengan kaedah-kaedah membuat peruntukan-peruntukan bagi—

(*a*) perkara-perkara berkenaan dengan keahlian Jemaah;

(*b*) saraan atau elaun yang kena dibayar kepada ahli-ahli Jemaah;

(*c*) perjalanan Jemaah; dan

(*d*) apa-apa perkara lain berkenaan dengan Jemaah.

(4) Peruntukan-peruntukan Jadual 1A hendaklah berkuatkuasa terhadap Jemaah.".

6. Seksyen 7 Akta ibu adalah dengan ini dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut— Pindaan bagi seksyen 7.

"Pengerusi Majlis hendaklah menjadi Ketua Pengarah.

7. Pengerusi Majlis hendaklah menjadi Ketua Pengarah yang bertanggungjawab bagi menyediakan program, sekim atau projek untuk pertimbangan Majlis, bagi mengeluarkan panduan dasar atau penerangan mengenai keputusan-keputusan Majlis kepada pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Majlis dan bagi menyelia dan mengawal pelaksanaan keputusan-keputusan itu.".

7. Perenggan-kecil (1) dan (2) perenggan 2 Jadual 1 kepada Akta ibu adalah dengan ini dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut— Pindaan bagi Jadual 1.

"(1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap dua bulan.

(2) Pengerusi dan tiga orang ahli hendaklah menjadi cukupbilang dalam mana-mana mesyuarat Majlis.".

8. Maka hendaklah dimasukkan Jadual baru 1A selepas sahaja Jadual 1 seperti berikut— Jadual baru 1A.

"

JADUAL 1A

(Seksyen 6A)

1. (1) Orang-orang yang berikut adalah tidak berkelayakan bagi dilantik sebagai ahli atau bagi menjadi ahli-ahli Jemaah— Tidak berkelayakan.

(*a*) orang bankrap;

(*b*) orang yang telah disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun;

(*c*) orang yang tidak sempurna akal atau, kerana lain sebab, tidak berupaya menyempurnakan kewajipan-kewajipannya.

(*b*) seorang wakil dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar;

(*c*) seorang wakil dari Jabatan Perdana Menteri;

(*d*) seorang wakil dari Perbendaharaan;

(*e*) seorang wakil dari Perbadanan Pembangunan Bandar; dan

(*f*) dua orang wakil yang akan dilantik oleh Menteri daripada sektor awam atau swasta yang mempunyai pengalaman berkaitan dengan tujuan-tujuan Majlis.".

Seksyen baru 6A.

5. Maka hendaklah dimasukkan selepas sahaja seksyen 6 Akta ibu suatu seksyen baru 6A yang berikut—

"Jemaah Penasihat.

6A. (1) Maka hendaklah ditubuhkan bagi maksud-maksud Akta ini, suatu Jemaah Penasihat (kemudian daripada ini disebut Jemaah) yang tugas-tugasnya ialah—

(*a*) amnya menasihatkan Menteri mengenai perkara-perkara berkenaan dengan perkembangan selanjutnya akan tujuan-tujuan Jemaah; dan

(*b*) menasihatkan Menteri mengenai apa-apa perkara yang dirujukkan kepadanya oleh Menteri.

(2) Jemaah hendaklah mengandungi ahli-ahli yang berikut yang akan dilantik oleh Menteri mengikut nama—

(*a*) seorang Pengerusi;

(*b*) seorang Timbalan Pengerusi yang pada masa itu Pengerusi Majlis;

(*c*) seorang wakil dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar;

(*d*) seorang wakil dari Jabatan Perdana Menteri;

(*e*) seorang wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;

(*f*) seorang wakil dari Perbadanan Pembangunan Bandar;

(*g*) seorang wakil dari Perbendaharaan; dan

(*h*) tujuh orang ahli lain.

(2) Seseorang ahli Jemaah adalah terhenti menjadi ahli jika ia tidak menghadiri mesyuarat Jemaah tiga kali berturut-turut dengan tiada kebenaran bertulis daripada Menteri atau jika ia menjadi tidak berkelayakan menurut perenggan-kecil (1).

Mesyuarat-mesyuarat Jemaah.

2. (1) Jemaah hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap tahun kalendar.

(2) Pengerusi atau mana-mana ahli yang mempengerusikan mesyuarat semasa Pengerusi tidak hadir di mesyuarat itu dan lapan orang ahli lain adalah menjadi cukupbilang pada mana-mana mesyuarat Jemaah.

(3) Jika atas apa-apa soal yang hendak diputuskan oleh Jemaah, bilangan undi sama banyaknya maka Pengerusi atau mana-mana ahli yang mempengerusikan mesyuarat sebagai Pengerusi adalah berhak memberi undi pemutus selain daripada undi asalnya.

Minit-minit boleh diterima sebagai keterangan.

3. Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat-mesyuarat Jemaah bolehlah, jika ditandatangani sebagaimana dikehendaki, diterima sebagai keterangan dalam segala pembicaraan di sisi undang-undang dengan tidak menghendaki apa-apa bukti lagi dan tiap-tiap mesyuarat Jemaah yang minit mengenai perjalanannya telah dibuat demikian itu hendaklah disifatkan sebagai telah dipanggil dan diadakan dengan sempurnanya dan semua ahli yang hadir sebagai berkelayakkan mengambil bahagian di dalamnya.".

KUALA LUMPUR

DICETAK OLEH KETUA PENGARAH PERCETAKAN DAN DITERBITKAN DENGAN PERINTAH PADA

30HB OGOS, 1973

*Harga: 50 sen*